

Renong: PM jamin wang rakyat tidak disalahgunakan

Oleh YULPISMAN ASLI
UM 21 JUL 2001

TUMPAT 20 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan menyalahgunakan wang rakyat dalam pengambilalihan syarikat Renong Bhd.

“Kita tidak akan salah gunakan wang rakyat,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan bersama 5,000 rakyat jelata anjuran seorang usahawan tempatan di Pengkalan Kubor, di sini.

Ketika ditanya sama ada dana awam seperti Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja (KWSP) akan terlibat dalam pembelian syarikat konglomerat itu, Perdana Menteri berkata: “Tidak tahu lagi, kita tengoklah. Saya pun tak tahu apa nak jadi.”

Penyusunan

Beliau turut menolak tanggapan bahawa pembelian dan penyusunan semula Renong ada kaitan dengan peletakan jawatan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

“Tidak ada kena mengena, tidak ada kaitan langsung. Proses (pembelian Renong) ini dah berjalan daripada awal,” katanya.

Menjawab soalan sama ada

pengambilalihan syarikat itu kelak akan melibatkan kenaikan beberapa kos perkhidmatan seperti yang berlaku ke atas Penerbangan Malaysia (MAS), Dr. Mahathir menegaskan:

“Janganlah buat spekulasi, tunggulah. Ini yang jadi kacau pasaran saham. Orang buat ramalan yang bukan-bukan, sabarlah.”

Semalam kerajaan mengumumkan akan mengambil alih Renong Bhd., syarikat pengendali projek infrastruktur negara yang bermasalah melalui Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) pada minggu depan.

Pengambilalihan dan penyusunan semula syarikat konglomerat itu akan dilaksanakan dengan bantuan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. (Danaharta).

Danaharta dikatakan bertindak sebagai ‘penyelesai’ atau *Mr. Fixer* kepada masalah beban hutang besar sebanyak RM13 bilion yang ditanggung oleh Renong.

Kumpulan Renong menerusi syarikatnya seperti United Engineers (Malaysia) Bhd. (UEM), Projek Lebuhraya Utara-Selatan

■ Lihat muka 5

Renong: PM jamin wang rakyat tidak disalahgunakan

tan Bhd. (PLUS), Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. (Putra) dan Prolink Development Sdn. Bhd. (Pro-

link) mempunyai tanggungan hutang RM26 bilion.

Berikutan itu, beberapa penyusunan semula, termasuk penerbitan bon-

bernilai RM8.4 bilion dan melangsaikan RM4 bilion hasil penyenaaran Time-dotCom Bhd. (TimedotCom), beban hutang Re-

nong tinggal RM13 bilion.

Pengumuman rasmi mengenai pembelian itu dijangka dibuat pada Isnin ini.